



**SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM
BIL : 2/2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN
DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI
BAGI JAWATAN KERANI**

Calon / Pemohon dari Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon bagi mengikuti kursus di peringkat Sijil dan seterusnya peringkat Diploma dalam bidang Kesetiausahaan melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan di Institusi-Institusi dalam negeri.

1. SYARAT-SYARAT AM

- 1.1 Memenuhi Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 27/1988 (Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri) dan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil:22/2008.

- 1.2** Memenuhi syarat kemasukan institusi-institusi bagi mengikuti kursus yang ditawarkan.

2. TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN DAN BORANG PEMOHONAN.

- 2.1** JawatanKuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia hendaklah memastikan sepenuhnya supaya semua permohonan yang dihadapi adalah memenuhi semua syarat, dasar dan peraturan yang berjalan pada masa ini termasuk perancangan Kementerian/Jabatan masing-masing.

- 2.2** Sokongan hendaklah ditandatangani oleh **Ketua Jabatan sendiri** dan hendaklah dibubuh **Nama, Jawatan dan Cop Jabatan.**

- 2.3** Borang mestilah diisi dengan lengkap dan sempurna dengan menyertakan **sijil-sijil kelulusan.**

- 2.4** Ketua Jabatan hendaklah memastikan borang permohonan adalah lengkap dan sempurna dengan menyertakan perkara-perkara berikut:

- Salinan laporan Penilaian Prestasi yang terkini
- Rekod perkhidmatan yang terkini

Peringatan :

Pemohonan yang dihadapi tidak perlu menyertakan surat penerimaan tawaran tempat kursus memandangkan proses permohonan dihadapi sendiri oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ke institusi berkenaan.

2.5 Sokongan hendaklah dihadapkan dengan menggunakan **BORANG LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN** sebanyak **1 salinan** melalui Setiausaha Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia Kementerian masing-masing kepada :

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
(U.P: Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan)
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

2.6 Borang Latihan Dalam Perkhidmatan bolehlah didapati dengan melayari website www.jpa.gov.bn atau mendapatkan borang tersebut di tempat berikut :

**Tingkat 3,
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

2.7 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menghadapkan senarai Calon/Pemohon yang dipertimbangkan ke institusi yang menawarkan kursus berkenaan.

3. TARIKH AKHIR MENERIMA SOKONGAN

3.1 Sokongan Kementerian berserta borang permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan yang **LENGKAP** mestilah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam dengan **SEGERA** dan **TIDAK LEWAT** pada **Hari Sabtu, 28hb Februari 2009.**

3.2 Borang yang diterima setelah tarikh tutup tidak akan diproses untuk dipertimbangkan dan **AKAN DIKEMBALIKAN.**

Surat Pemberitahuan ini adalah berkuatkuasa mulai 15hb Januari 2009.

*“Ke Arah Wawasan Negara : Kecemerlangan dan
Kemakmuran”*

“Muafakat Membawa Berkat”

[HAJI IBRAHIM BIN HAJI HASSAN]

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh : 15hb Muharram 1430
: 12hb Januari 2009

Rujukan : JPA/3.3/P/2.0 Pt.3